

28/07/1998

SPR sudah buat persiapan pilihan raya Sabah

KUALA LUMPUR, Isnin - Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) sudah mula membuat persiapan rapi bagi menghadapi pilihan raya negeri Sabah yang dijangka pada bila-bila saja dengan kerajaan meluluskan peruntukan sebanyak RM4 juta.

Pengerusinya, Datuk Harun Din, berkata pihaknya juga sudah memberi latihan dan taklimat kepada pegawai pilihan raya yang terdiri daripada pegawai daerah dan pegawai pendidikan negeri, sejak bulan lalu.

Menurutnya, peruntukan yang disediakan itu boleh digunakan bagi memastikan pilihan raya berjalan dengan licin, termasuk menyewa helikopter.

Tarikh akhir pembubaran Dewan Undangan Negeri Sabah ialah pada 17 Mac tahun depan, yang bermakna pilihan raya boleh dilakukan bila-bila masa, selewat-lewatnya 60 hari selepas tarikh itu.

Penentuan tarikh pilihan raya adalah hak mutlak Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Apa yang dilakukan sekarang ialah persediaan ... saya tidak ada sebarang isyarat," katanya selepas dikunjungi Presiden Parti Rakyat Malaysia (PRM), Prof Dr Syed Husin Ali dan Setiausaha Agungnya, Dr Sanusi Osman, di sini hari ini.

(END)